

Surat khabar: Harian Metro
Hari/Tarikh: 21/04/2012 / Sabtu
Muka surat: 9

Tajuk : Wanita monopoli IPTA

-Pelbagai program dianjur supaya kaum hawa mendapat jawatan besar di sektor korporat

Harian Metro

Setempat

Sabtu, 21 April 2012

9

Wanita monopoli IPTA

Pelbagai program dianjur supaya kaum hawa mendapat jawatan besar di sektor korporat

>>Oleh Micheal Sering

am@hmetro.com.my

KUCHING: Penuntut wanita masih mewujudkan dominasi kebanyakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berbanding lelaki apabila merekodkan lebih 60 peratus daripada jumlah keseluruhan di institusi berkenaan.

Justeru, mengambil contoh dua IPTA iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Datuk Fatimah Abdullah berkata, kedua-dua universiti itu mencatatkan lebih 60 peratus bilangan penuntutnya terdiri wanita tahun ini.

"UiTM Sarawak pada tahun ini menerima seramai 3,984 pelajar wanita atau 61.93 peratus daripada keseluruhan bilangan pelajarnya manaka-



RASMI...Fatimah (kanan) menghadiri ceramah Program Pengarah Wanita di Sarawak anjuran NIEW, semalam.

"Menyedari bilangan pelajar wanita yang semakin memonopoli IPTA, kementerian ini berusaha memastikan mereka mendapat jawatan sebagai pembuat keputusan dalam sektor korporat"

>Fatimah Abdullah

la Unimas, seramai 6,500 pelajar wanita mendaftar pada sesi pengajian 2011/2012, 68 peratus melebihi bilangan pelajarnya.

"Menyedari bilangan pelajar wanita yang semakin memonopoli IPTA, kementeri-

an ini berusaha memastikan mereka mendapat jawatan sebagai pembuat keputusan dalam sektor korporat," katanya ketika merasmikan Program Pengarah Wanita di Sarawak anjuran Institut Memperkasakan Wanita (NIEW) di sini, semalam.

Program itu bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita yang bekerja di sektor swasta dan majikan mengenai kepentingan usaha kerajaan menggalakkan 30 peratus penyertaan wanita dalam kedudukan membuat keputusan sektor korporat menjelang 2016.

Fatimah berkata, kerajaan negeri juga komited menjalankan peranan aktif bagi mencapai sasaran ditetapkan kerajaan pusat dengan memastikan pelabur, syarikat korporat dan pertubuhan perkhidmatan profesional menyokong semua usaha berkenaan.